

DATE: 5/10/2010

Tidak salah UMNO suarakan isu kepentingan orang Melayu

BH-15/10/2010



TEMPOH tiga hari Perhimpunan Agung UMNO mulai Khamis ini perlu digunakan sepenuhnya untuk memperinci dan menjelaskan hala tuju baru kerajaan, khususnya Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Modul Baru Ekonomi serta Bajet 2011.

Semua program itu untuk memacu pembangunan membabitkan semua kawasan serta penduduk dan akhirnya muncul rakyat yang tinggi dalam tempoh 10 tahun lagi.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata perhimpunan kali ini penting kerana perwakilan perlukan penjelasan daripada Presiden sendiri, selain ingin tahu ruang dan peluang yang boleh disertai oleh orang Melayu dalam sektor yang dikenal pasti dalam semua projek berkenaan.

"Yang penting ialah penjelasan mengenai konsep 1Malaysia yang menjadi satu perkara yang agak pokok khususnya yang dinyatakan

ahli UMNO yang kadang-kadang ada kebimbangan dan kekeliruan," katanya ketika ditemui.

Tidak salah apabila perwakilan membangkitkan soal di mana kedudukan Melayu dan hak mereka dalam pelaksanaan 1Malaysia. Pada tahap ini, mereka jangan dianggap rasis apabila memperjuangkan bangsanya dan tidak boleh dituduh ekstremis semata-mata kerana mempertahankan amalan yang dituntut oleh ajaran Islam.

Namun UMNO dilihat 'malang' kerana ditampal oleh lawan dengan pelbagai label buruk sehingga apa juga tindakan parti bersifat perkauman. Pada masa sama, UMNO dalam dilema untuk mempertahankan atau memperkatakan sesuatu kerana menjaga hati pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) lain.

Mengulas tanggapan itu, Shafie berkata, parti pembangkang turut terbabit dalam pembentukan persepsi buruk terhadap 1Malaysia untuk mencari sokongan dan meraih laba politik.

"Dalam konteks ini, ia bukan perkauman. Jangan sekali-kali kita mentafsirkan bila kita memperjuangkan bangsa dan agama, ia akan (menjadi) perkauman.

"Apabila kita mempertahankan Islam, kita bukan ekstremis tetapi (ada) salah tanggapan apabila ada amalan (tertentu) dikatakan dia ini



“ Bukan bererti apabila kita mengambil (hak) ini, kita mengambil hak orang lain. Kita tidak mengambil mana-mana bahagian yang menjadi hak orang lain”

Mohd Shafie Apdal
Naib Presiden UMNO

ekstremis. Kita (hanya) nak supaya amalan yang dituntut oleh agama itu dapat dilakukan dengan sebaiknya. Tetapi jangan ada tanggapan bahawa itu adalah tindakan ekstrem," katanya.

Dari perspektif UMNO, beliau berkata, tidak salah apabila parti menyuarakan mengenai keperluan orang Melayu dan ahlinya yang rata-rata orang Melayu.

"Dapat atau tidak, itu perkara penting. Bukan bererti apabila kita mengambil (hak) ini, kita mengambil hak orang lain. Kita tidak mengambil mana-mana bahagian yang menjadi hak orang lain," katanya.

Beliau berkata, penjelasan Datuk Seri Najib Razak, melalui ucapan dasar Presiden perlu jelas dan berupaya meyakinkan ahli UMNO bahawa Gagasan 1Malaysia tidak akan menghakis perjuangan, hak serta pembelaan terhadap orang Melayu.

"Berulang kali dinyatakan ia (1Malaysia) berpaksikan pertamanya, perlembagaan dan kedua, terikat dengan inti pati program pembaharuan ekonomi dan transformasi iaitu bagaimana kita (kerajaan) hendak membantu masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam pelbagai sudut serta bidang yang dikenal pasti," katanya.

Mengenai UMNO yang dikatakan lebih cenderung mempertahankan Akta Keselamatan Dalam Negeri

(ISA), Shafie berkata, kajian semula akta itu memang mencetuskan pelbagai maklum balas tetapi bagi beliau tidak timbul soal ia perlu dimansuh atau dihapuskan.

Apa yang penting, kata Shafie, kita tidak mahu rakyat sendiri mahupun masyarakat antarabangsa mempersoalkan kerajaan jika tercetus kejadian tidak diinginkan yang dilakukan kumpulan subversif kerana ketiadaan undang-undang membendunginya.

Justeru, katanya ISA bagi beliau masih relevan walaupun perlu ada perubahan.

Difahamkan, ada perwakilan UMNO akan mendesak kerajaan menunjukkan ketegasan dalam menangani isu perkauman dan agama kebelakangan ini.

"Ketegasan ini (perlu) bertempat. Dalam landskap politik yang ada ini, kita kena ada kebijaksanaan dalam menangani masalah. Kita yakin kukuhnya hubungan antara kaum ini perkara yang penting dan dekat dengan jiwa manusia," katanya sambil menambah pendidikan sejarah penting dalam mewujudkan pemahaman dalam konteks itu.

Shafie turut tidak menafikan jika proses pemilihan barisan kepimpinan UMNO tahun depan, ditangguhkan bagi membolehkan parti membuat persiapan menghadapi pilihan raya umum.